

# Stabilkan harga alat tangkap ikan

UM 29/8/2023 MS: 33

**GEORGE TOWN:** Golongan nelayan di negeri ini meminta kerajaan membantu para nelayan untuk menstabilkan harga barangan serta peralatan menangkap ikan yang didakwa naik berlipat kali ganda.

Mereka mendakwa, harga kebanyakan peralatan menangkap ikan seperti jaring, pemberat, tali dan sebagainya meningkat mendadak susulan kejatuhan ringgit memandangkan barangan berkenaan diimport dari negara luar khususnya Thailand.

Difahamkan, jaring menangkap ikan yang dahulunya berharga RM100, kini meningkat sehingga RM150 manakala tali

yang dahulu dijual RM15 sekilogram naik ke RM20 sekilogram.

Menurut Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Roslizan Ramli, kerajaan dapat membantu menstabilkan harga peralatan menangkap ikan yang diimport dari Thailand dengan memberikan kebenaran kepada agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk mengimport peralatan berkenaan.

“Sekarang permit import barang penangkapan ikan ini diberikan kepada ejen-ejen, jadi sukar untuk kerajaan memantau dan mengawal harganya,” ujarnya.

**ANTARA peralatan menangkap ikan yang menyaksikan peningkatan harga mendadak ekoran kejatuhan nilai ringgit sekali gus menjejaskan mata pencarian para nelayan.**

